

Headline	TNB kumpul RM3.26 juta		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	25 Jul 2021	Language	Malay
Circulation	166,774	Readership	500,322
Section	Semasa	Page No	14
ArticleSize	125 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,962		



TNB kumpul RM3.26 juta

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjaya mengumpul RM3.26 juta menerusi Tabung Warga TNB Prihatin (WTP) bagi membolehkan lebih ramai golongan rentan yang terjejas akibat pandemik Covid-19 menerima manfaat.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, keprihatinan warga kerja TNB untuk berkongsi rezeki terserlah dengan jumlah kutipan melebihi sasaran awal.

“Warga TNB amat peka terhadap golongan yang dilanda pelbagai kesusahan dan tertekan akibat pandemik Covid-19.

“Justeru, Pengurusan Tertinggi dan Presiden Kesatuan TNB bersepakat menubuhkan tabung berkenaan sebagai satu kaedah bagi warga kerja TNB bersatu mengumpul sumbangan secara sukarela,” katanya.

Tambahnya, warga TNB telah mengumpul RM1.63 juta yang dibuat secara sukarela sebelum Ahli Lembaga Pengarah menggandakan kutipan kepada RM3.26 juta.

Menurut Mahdzir selain Tabung WTP, TNB juga telah menghulurkan pelbagai bentuk bantuan kepada lebih 10,000 golongan B40.

TNB juga tambahannya turut menjayakan program Bakul Prihatin Negara yang dilancarkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan tajaan berjumlah RM2 juta.

Sementara itu, Ketua Pegawai Strategi dan Usahasama TNB, Ir. Mohd. Junaizee Mohd. Noor berkata, pihaknya berterima kasih kepada Ahli Lembaga Pengarah atas kelulusan geran tambahan tersebut.